

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menerima desakan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) supaya segera meminda Akta Kerja 1955 dengan memasukkan dalam akta berkenaan pekerja ekonomi gig seperti e-hailing, pengangkutan makanan dan barangan serta perniagaan dalam talian bagi membolehkan kebajikan mereka dilindungi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Akta Kerja 1955 [*Akta 265*] merupakan undang-undang buruh utama yang mengawal hubungan antara majikan dan pekerja melalui penetapan hak-hak pekerja dan standard-standard minimum penggajian yang perlu dipatuhi. Objektif utama Akta 265 adalah untuk memberi perlindungan asas kepada golongan pekerja khususnya yang tidak berkesatuan dan kurang berkeupayaan untuk berunding dengan majikan mereka bagi mendapatkan terma dan syarat pekerjaan yang lebih baik.

Kementerian Sumber Manusia sedang dalam proses pindaan Akta 265 dimana Rang Undang-Undang Kerja (Pindaan) 2021 telah dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat pada 25 Oktober 2021 dengan memasukkan beberapa cadangan penambahbaikan, antaranya memperluas perlindungan kepada pekerja, memelihara kebajikan pekerja dan keluarga dan menggalakkan *work-life balance*, mewujudkan fleksibiliti dalam menentukan waktu kerja, hari kerja atau tempat kerja mengikut kesesuaian perniagaan dan pekerja serta memperkukuh aspek penguatkuasaan.

Berkaitan dengan cadangan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) untuk meliputi pekerja ekonomi gig seperti e-hailing, pengangkutan makanan dan barangan serta perniagaan dalam talian dalam pindaan Akta 265, pekerja ekonomi gig adalah tidak tersenarai di dalam definisi pekerja di bawah Akta 265.

Struktur hubungan antara pekerja gig ekonomi dan penyedia platform dari segi hubungan '*master and servant*' adalah sukar untuk dibuktikan. Kementerian juga tidak mempunyai sebarang rekod atau pemfailan kes buruh berkaitan golongan ini yang boleh digunakan sebagai *test case* atau penandaarasan. Ini kerana *construct* undang-undang perburuhan negara adalah berdasarkan *nature of business* dan konteks hubungan pekerja-majikan yang tradisional. Berikutan ini, pekerja gig adalah tidak tertakluk di bawah Akta Kerja 1955 [*Akta 265*] pada masa ini.

SOALAN NO : 18

Walau bagaimanapun, Kerajaan amat prihatin terhadap perlindungan dan kebajikan pekerja ekonomi gig yang merupakan antara penyumbang utama kepada ekonomi negara. Buat masa sekarang Kementerian Sumber Manusia melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menyediakan bentuk perlindungan keselamatan sosial di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] bagi individu-individu yang bekerja sendiri, termasuklah pekerja gig. Akta 789 ini telah dikuatkuasakan mulai 1 Jun 2017 yang kini meliputi 20 sektor atau perusahaan di Malaysia.

Bagi menjamin anak muda yang terlibat dalam ekonomi gig ini terus terbela, peraturan-peraturan mengenai pekerja yang menjalankan perkhidmatan pengangkutan dan penghantaran barangan atau makanan telah pun dikuatkuasakan mulai 1 Oktober 2021. Penguatkuasaan ini dijangka dapat menarik lebih ramai kumpulan sasar menyertai perlindungan yang disediakan oleh Akta 789.

Inisiatif perlindungan keselamatan sosial pekerjaan sendiri diberikan kepada Orang Bekerja Sendiri (OBS) yang mengalami kemalangan atau kematian semasa menjalankan aktiviti pekerjaannya. Berdasarkan statistik pencarum PERKESO, sehingga 24 September 2021, seramai 13,333 OBS dilindungi di bawah program Penjana Gig, manakala di bawah SPS Lindung pula, seramai 194,800 OBS.

Kementerian Sumber Manusia juga sedang menjalankan sesi libat urus bersama penyedia-penyedia platform gig bagi mendapatkan sebarang maklum balas atau pandangan berhubung cadangan penggubalan rang undang-undang pekerja ekonomi gig supaya tidak menjejaskan keunikan pekerjaan gig itu sendiri.